



**KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
BAGI TAHUN 2022**

MBJ KKDW

**BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2022**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2022	14 April 2022	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Dato' KSU
2/2022	19 Julai 2022	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	SUBK (KP)
3/2022	4 Oktober 2022	De Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang	YBhg. Dato' KSU

**JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2022**

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN			
	1/2022	2/2022	3/2022	JUMLAH
Kewangan dan Kemudahan	1	2	1	4
Pentadbiran	2	4	2	8
Sumber Manusia	1	2	2	5
Kebajikan	2	0	1	3
Inovasi dan Produktiviti	2	0	0	2
Hal-hal Lain	1	0	1	2
JUMLAH	9	8	7	24

**SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2022**

KATEGORI : **KEWANGAN DAN KEMUDAHAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **4**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Prosedur Tuntutan Bayaran Balik Parking Berbayar	<p>YBhg. Dato' Pengerusi memohon Bahagian KEW mengemukakan syor kepada beliau berkenaan tuntutan bayaran balik tempat letak kenderaan berkenaan.</p> <p>Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian PSM, Bahagian KEW telah mengangkat kertas permohonan kepada SUBK (KP) pada 13 Julai 2022 bagi mendapatkan pertimbangan perbelanjaan berkenaan.</p> <p>Bahagian KEW memaklumkan permohonan peruntukan Belanja Mengurus bagi keperluan ini telah diambil kira dalam permohonan Belanjawan 2023. Sejumlah RM129 ribu yang dipohon tersebut dijangka dapat menampung keperluan 215 kakitangan KPLB yang layak untuk menuntut</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2022</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		bayaran meletak kenderaan, tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.	
2.	Penilaian Semula Kadar Makan Minum Mesyuarat	SUB KEW memaklumkan bahawa penilaian semula kadar makan minum mesyuarat tidak wajar dipertimbangkan pada masa kini berdasarkan situasi keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan. Selain itu, Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam pada 14 Julai 2022 supaya semua Kementerian melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022
3.	Bayaran Tuntutan Perjalanan (TNT) Dan Tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM) Lewat Di Bayar	SUB KEW memohon kepada warga KPLB yang menghadapi isu kelewatan menerima tuntutan bayaran supaya berhubung terus dengan Bahagian KEW bagi mengetahui punca kelewatan bayaran tersebut sama ada masalah berkaitan sistem atau query.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022
4.	Status Tuntutan Bil Telefon Bagi Pegawai	Pihak Pekerja memohon penjelasan mengenai status permohonan tuntutan bil telefon bagi pegawai gred 41 ke atas seperti yang telah dibangkitkan dalam Mesyuarat MBJ Bil. 1 dan Mesyuarat MBJ Bil. 2 Tahun 2022. SUB KEW juga menjelaskan bahawa tuntutan bil telefon tidak hanya tertakluk kepada pegawai gred 41 ke atas sahaja malah	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		terbuka kepada warga Kementerian pelbagai gred yang tugas hakikinya memerlukan keberadaan pegawai di luar pejabat dengan kerap.	

KATEGORI : **PENTADBIRAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **8**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan Sanitasi Secara Berkala Di Bangunan KPLB	Kerja-kerja Penilaian Kualiti Udara (IAQ) di bangunan KPLB telah dilaksanakan pada 16 Mac 2022 hingga 29 April 2022 bagi menilai kualiti dan sistem pengudaraan sebelum cadangan pemasangan peralatan yang lebih sesuai dapat dilaksanakan memandangkan perolehan ini melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kementerian.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2021 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2022

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
2.	Cadangan Memaksimumkan Penggunaan Lif Semasa Waktu Puncak	<p>YBhg. Dato' Pengerusi memahami masalah yang di alami Pihak Pekerja sekiranya dua (2) lif ditutup sepanjang masa untuk kegunaan Anggota Pentadbiran. Justeru itu, YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar Bahagian P mengadakan perbincangan dengan pejabat YBM dan YBTM bagi mendapatkan jadual pergerakan dan kehadiran YBM dan YBTM ke KPLB sebelum menyusun semula pergerakan lif.</p> <p>Bahagian P telah menyelaraskan pengawal keselamatan di aras VIP supaya sentiasa memaklumkan jadual pergerakan VIP kepada pengawal keselamatan yang bertugas mengawal lif. Bahagian P juga telah mengambil tindakan bagi menangani isu ini dengan membuka satu (1) lif VIP untuk beroperasi pada waktu puncak sekiranya VIP tidak masuk ke bangunan KPLB pada waktu tersebut.</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2022</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022</p>
3.	Penggunaan Baju Korporat	<p>YBr. Tuan Pengerusi memaklumkan tiada arahan dikeluarkan mengenai hari pemakaian baju korporat daripada pihak Kementerian. Walau bagaimanapun, warga KPLB boleh menempah baju korporat mengikut warna dan rekabentuk yang telah ditetapkan bagi memastikan keseragaman</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		<p>namun kos pembelian baju korporat adalah dibawah peruntukan persendirian.</p> <p>Tiada halangan kepada warga KPLB yang masih mempunyai baju korporat yang lama untuk dipakai ketika majlis-majlis rasmi kementerian.</p>	
4.	Cadangan Untuk Meletakkan Cermin Besar Di Basement Aras B1	<p>Bahagian P telah mengadakan perbincangan dengan pihak AWC Berhad berkenaan cadangan pemasangan cermin yang bersesuaian di sudut basement aras B1 dan dijangka akan selesai dipasang pada bulan Ogos 2022.</p> <p>YBrs Tuan Pengerusi juga mencadangkan sekiranya ada keperluan untuk dipasang kamera CCTV di kawasan tersebut bagi mengenalpasti kenderaan yang melawan arus dan seterusnya mengeluarkan notis amaran kepada pegawai yang terlibat berkenaan.</p> <p>Mesy. Bil. 3/2022- Bahagian P telah menyelaras pemasangan cermin besar di basement aras B1 bersama pihak AWC Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, kontrak syarikat berkenaan telah tamat pada 15 Ogos 2022, kerja pemasangan cermin besar tidak dapat dijalankan. Selaras dengan perkara tersebut, Bahagian P dalam proses perolehan bagi pemasangan cermin besar</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		di lokasi tersebut dan dijangka pemasangan cermin besar akan selesai pada awal bulan Oktober 2022.	
5.	Cadangan Untuk Diberikan Kemudahan Komputer Untuk Kegunaan Personel Mystep	Walau bagaimanapun, bagi kegunaan pegawai lantikan Personel MySTEP, setiap Bahagian boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian ICT. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada kelulusan dan ketersediaan peralatan tersebut.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022
6.	Kelayakan Tempahan Makan Minum Mesyuarat Berdasarkan Gred Pegawai Yang Mempengerusikan Mesyuarat	SUB KEW menjelaskan bahawa tiada ketetapan mengenai kelayakan tempahan makan minum mesyuarat hanya untuk mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan sahaja. Tempahan makan minum mesyuarat adalah tertakluk kepada peruntukan Bahagian dan kelulusan Ketua Jabatan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022
7.	Saman Kenderaan Jabatan	<p>Pihak Pekerja memohon penjelasan berkenaan saman yang dikenakan kepada kenderaan jabatan semasa menjalankan tugas rasmi.</p> <p>Bahagian P juga dicadangkan agar mengeluarkan surat arahan dalaman kepada semua warga Kementerian sebagai peringatan berhubung Tatacara Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Semua arahan juga perlu direkodkan secara bertulis sebagai bukti apabila notis saman dikeluarkan.</p>	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Belum selesai

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
8.	Penguatkuasaan dan Larangan Merokok Dalam Bangunan KPLB	<p>Pihak Pekerja memohon untuk dibuat penguatkuasaan kepada para perokok yang merokok di kawasan tangga dalam bangunan KPLB. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar Bahagian P menyediakan satu kawasan terbuka seperti di basement aras B1 untuk dijadikan tempat khas bagi "Kawasan Merokok".</p> <p>Cadangan ini merupakan salah satu inisiatif untuk mengelakkan para perokok merokok di kawasan tangga atau di kawasan larangan merokok.</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022</p> <p>Status : Belum selesai</p>

KATEGORI : **SUMBER MANUSIA**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **5**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan Tuntutan Bil Telefon Bagi Pegawai Gred 41 dan Ke Atas Di Bahagian Penyelarasan & Pemantauan	Perkara ini telah dibincangkan bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian. Susulan daripada itu, YBhg. Dato' KSU telah memohon Bahagian PSM dan Bahagian Kew membuat unjuran implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh Kementerian dengan mengambil kira tuntutan pegawai di Kementerian, Pejabat KPLB Negeri dan INFRA.	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2021</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		<p>Hasil unjuran implikasi kewangan tersebut perlu dibentangkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian untuk penelitian semula.</p>	
2.	Pengisian Jawatan	<p>Bahagian PSM telah mengemukakan permohonan pengisian jawatan kepada pihak JPA dan MAMPU bagi pengisian Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat (F) untuk pengisian perjawatan di KPLB. Walau bagaimanapun, sehingga sekarang KPLB masih belum menerima pegawai baharu.</p> <p>SUB PSM juga mencadangkan untuk penanggungungan kerja bagi kekosongan perjawatan tersebut dan Ketua Jabatan yang terlibat boleh mengemukakan permohonan penanggungungan kerja ke Bahagian PSM.</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022</p>
3.	Garis Pemisah Antara Isu Dasar Dan Bukan Dasar	<p>Urus Setia MBJ memaklumkan satu bengkel mengenai pelaksanaan MBJ bersama pihak JPA akan diadakan dalam masa terdekat.</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2022</p>
4.	Anugerah Pekerja Contoh	<p>SUB TEK mencadangkan supaya dilaksanakan Anugerah Pekerja Contoh bagi pegawai yang layak dan anugerah tersebut diberikan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan. Justeru, sekiranya perkara ini diluluskan dan dipersetujui oleh KKSKPLB,</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Anugerah Pekerja Contoh akan dilaksanakan pada tahun 2023.	
5.	Pengisian Jawatan	Wakil Bahagian KD memaklumkan terdapat beberapa kekosongan jawatan bagi Skim Perkhidmatan Setiausaha Pejabat, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 dan M48 di Bahagian KD yang masih lagi belum diisi sehingga kini. YBhg. Dato' Pengerusi mengarahkan agar Bahagian PSM dapat membuat penyusunan semula dan pengagihan jawatan secara menyeluruh dan adil dengan segera supaya tiada Bahagian / Unit yang terlalu banyak kekosongan jawatan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022

KATEGORI : **KEBAJIKAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **3**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Mutu Makanan dan Kapasiti Penyediaan Makanan Di Kafe KPLB	Bahagian P juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak Koperasi dan pengusaha Kafeteri yang dipengerusikan oleh SUBK (KP) pada 1 Disember 2021. Berdasarkan perbincangan tersebut, pengusaha Kafeteria telah memaklumkan bahawa kafeteria telah menyediakan 21 menu baharu mulai 30 November 2021. Pengusaha	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2021 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2022

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Kafeteria memaklumkan bahawa kafeteria akan menggunakan kaedah tambahan (top up) masakan baharu sekiranya makanan telah habis sebelum waktu makan tengah hari bagi menampung permintaan warga KPLB.	
2.	Bayaran Yuran Bulanan Kelab Kebajikan Dan Sukan KPLB (KKSKPLB)	<p>Setiausaha Pihak Pekerja mencadangkan agar KKSKPLB dapat memperuntukkan sejumlah amaun untuk diagihkan kepada setiap Bahagian/ Unit di KPLB bagi menggalakkan setiap Bahagian/ Unit mengadakan aktiviti yang melibatkan semua warga KPLB. Cadangan ini bagi memastikan semua warga KPLB dapat memanfaatkan yuran bulanan yang dibayar oleh ahli. Namun begitu, Setiausaha KKSKPLB meminta Setiausaha Pihak Pekerja membawa perkara ini sebagai usul bagi Mesyuarat Agung KKSKPLB akan datang.</p> <p>YBr. Tuan Pengerusi memaklumkan jumlah pengagihan adalah bergantung kepada jumlah kutipan yuran dan kedudukan kewangan Kelab. Justeru, YBr. Tuan Pengerusi menyeru kepada semua Ahli Kelab supaya membayar yuran bulanan agar Kelab dapat memberikan sumbangan dan melaksanakan aktiviti yang bersesuaian.</p> <p>Mesy. Bil. 3/2022 - Cadangan supaya KKSKPLB dapat memperuntukkan sejumlah amaun untuk diagihkan kepada setiap Bahagian/ Unit telah</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2022</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		<p>dikemukakan melalui usul dalam AGM KKSKPLB yang telah diadakan pada 7 Julai 2022.</p> <p>KKSKPLB memaklumkan bahawa berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2021, jumlah kutipan yuran Kelab adalah sangat rendah. Pada masa ini cadangan pengagihan peruntukan kepada setiap Bahagian/ Unit akan dikaji semula.</p>	
3.	Kutipan Yuran Kelab Bulanan Kelab Kebajikan Dan Sukan KPLB (KKSKPLB)	<p>Pihak Pekerja mencadangkan agar kaedah pembayaran yuran adalah melalui potongan gaji setiap bulan dan hanya dengan persetujuan pegawai berkenaan sahaja. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar Pihak Pekerja berbincang bersama dengan jawatankuasa kelab bagi menetapkan satu kadar bayaran yuran bulanan yang dipersetujui oleh semua pihak.</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022</p> <p>Status : Belum selesai</p>

KATEGORI : **INOVASI DAN PRODUKTIVITI**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **2**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan Untuk Diadakan Nyanyian Lagu Negaraku Selepas Bacaan Doa Pagi	<p>Unit Komunikasi Korporat (UKK) dimohon untuk mengemukakan CD/pendrive lagu Negaraku dan lagu KPLB bagi menjamin kualiti lagu untuk dipasang di Bilik Sistem Kawalan Bangunan (BCS).</p> <p>Bahagian P telah membuat hebahan pada 15 April 2022 kepada semua warga KPLB mengenai pemakluman pemasangan lagu Negaraku pada setiap hari Isnin sebelum bacaan doa pagi. Tindakan berhubung perkara ini juga telah dilaksanakan pada setiap hari Isnin.</p>	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil.2/2022
2.	Permohonan membuat Zebra Crossing	<p>YBhg. Dato' Pengerusi memahami kebimbangan Pihak Pekerja mengenai keselamatan warga KPLB semasa melintas jalan dari tempat letak kenderaan terbuka ke bangunan KPLB. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Pengerusi memohon supaya Bahagian P mengemukakan surat kepada PJH mengenai permohonan membuat zebra crossing di laluan berhadapan tempat letak kenderaan terbuka ke bangunan KPLB.</p>	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		<p>Wakil Pihak Pekerja memaklumkan bahawa mereka akan mengadakan perjumpaan bersama Pihak Pekerja MBJ bagi Kementerian-kementerian yang berada di sekitar Presint 4 untuk membincangkan perkara ini secara bersama. Hasil perbincangan tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat MBJ Bil.3 yang akan datang.</p> <p>Mesy. Bil. 3/2022 - Hasil daripada perbincangan Wakil Pihak Pekerja MBJ KPLB bersama wakil Pihak Pekerja MBJ AGC pada 16 Jun 2022 mendapati tiada keperluan untuk menambah zebra crossing kerana sudah terdapat zebra crossing dan speed breaker sedia ada di sekitar jalan menuju ke bangunan AGC dan KPLB.</p> <p>Justeru, kenderaan yang melalui kawasan berkenaan seharusnya perlu memperlahankan kenderaan mereka dan pejalan kaki yang ingin menyeberangi jalan juga perlu berhati-hati ketika hendak melintas jalan.</p>	

KATEGORI : HAL-HAL LAIN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 2

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Mesyuarat MBJ di Luar Pejabat	<p>YBhg. Dato' Pengerusi bersetuju dengan cadangan supaya Mesyuarat MBJ diadakan di luar pejabat, namun pihak urus setia perlulah menyemak program-program rasmi Kementerian yang dilaksanakan di luar KPLB supaya boleh diselaraskan dengan Mesyuarat MBJ bagi memaksimumkan jadual program dan <i>value for money</i>.</p> <p>Justeru, YBrs. Tuan Pengerusi mencadangkan supaya Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2022 dilaksanakan di luar pejabat tertakluk kepada peruntukan sedia ada dan keutamaan diberikan kepada premis/ kemudahan milik Agensi di bawah KPLB.</p> <p>Sehubungan itu, pihak urus setia dimohon untuk menyemak program-program rasmi Kementerian yang dilaksanakan di luar KPLB untuk diselaraskan dengan Mesyuarat MBJ supaya dapat memaksimumkan jadual program dan value for money.</p>	<p>Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2022</p> <p>Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2022</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Mesy. Bil. 3/2022 - Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2022 diadakan di De Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang. Urus Setia turut memaklumkan bahawa De Rhu Beach Resort merupakan milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) iaitu agensi rangkaian di bawah KPLB.	
2.	Domain E-Mel KPLB	Pihak Pekerja mencadangkan agar domain e-mel KPLB ditukarkan kepada domain yang lebih mudah. Ini kerana sering kali berlaku kesilapan / kekeliruan dari pihak luar apabila berurusan dengan KPLB melalui e-mel. YBhg. Dato' Pengerusi meminta Bahagian ICT meneliti isu ini dengan membuat kajian / laporan terlebih dahulu seterusnya mengemukakan hasil kajian / laporan tersebut kepada pihak pengurusan untuk dinilai secara menyeluruh.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Belum selesai

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)